

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : ISU

Kementerian bincang wajib suntikan vaksin

→ Kesedaran ibu bapa penting elak anak terdedah penyakit

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman
wananwar@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, mengakui sukar untuk mewujudkan satu dasar supaya suntikan vaksin imunisasi diwajibkan kepada rakyat.

Namun, katanya, kementerian sedang giat berbincang pada peringkat dalaman dan luaran bagi mewujudkan dasar yang dapat memastikan setiap kanak-kanak mendapat suntikan imunisasi vaksin pada masa depan.

Jelas beliau, kementerian juga tidak berputus asa berusaha memberi kesedaran dan

menggalakkan ibu bapa supaya membenarkan anak mereka diberi suntikan vaksin imunisasi sebagai langkah awal pengelahan penyakit.

“Yang penting bukan undang-undang saja, tetapi tetapi kesedaran dan keinsafan ibu bapa untuk tahu yang kesihatan dan keselamatan anak mereka terdedah kepada risiko penyakit jika tidak diberi suntikan vaksin.

“Kalau mereka yang mengambil mudah, kena sedar anak mereka akan mudah menjadi punca kepada penyakit.

“Saya tahu bukan senang hendak buat program untuk menjadikan suntikan vaksin ini mandatori dan wajib sebab ada ibu bapa yang guna pelbagai hujah serta alasan bagi menolaknya,” katanya pada sidang media selepas merasmikan Mesyuarat Jawatankuasa Codex Mengenai Minyak dan Lemak (CCFO) ke-26 di sini, semalam.

Kelmanin, Persatuan Farmaasi Malaysia (MPS) mendesak kerajaan mewajibkan suntikan vaksin bagi mengurangkan penyebaran penyakit yang dapat dielakkan menerusi vaksin di negara ini.

Ketika ini, lima kes kanak-kanak disyaki positif jangkitan difteria dikesan di Johor Bahru dan pada Selasa lalu, seorang kanak-kanak yang tidak menerima suntikan vaksin meninggal dunia akibat jangkitan difteria.

Dibincang minggu ini

Dr Dzulkefly berkata hasil perbincangan yang diperoleh kementerian akan dibincangkan pada peringkat pasca Cabinet kementerian minggu ini dan jika ia mendapat sokongan, akan dibawa ke peringkat Cabinet pula.

“Saya juga sudah memaklumkan kepada Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, yang perkara ini akan dibincangkan pada mesyuarat Cabinet, tetapi belum diputuskan bila,” katanya.

Sementara itu, beliau berkata kementerian masih belum mengiktiraf peranan doula dan meminta kelompok yang menjadi doula tampil ke kementerian memberi maklum balas mengenai amalan itu.

“Kita perlu adakan perbincangan dengan mereka secara langsung sebab akhirnya jika kita benar-benar mahu meng-



Saya tahu bukan senang hendak buat program menjadikan suntikan vaksin ini mandatori”

**Dr Dzulkefly Ahmad,
Menteri Kesihatan**

izinkan amalan doula, ia mestil dilakukan dengan penuh tanggungjawab, ada prosedur operasi standard (SOP) dan syarat khas.

“Apa yang kita mahu pada akhirnya ialah ia tidak menimbulkan kemudaratannya kerana menyentuh kesihatan dan nyawa manusia,” katanya.

Dalam perkembangan lain, Dr Dzulkefly berkata, Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan akan dinaik taraf menjadi Pihak Berkuasa Keselamatan Makanan bagi memperkuuh kawalan keselamatan makanan negara.

“Proses menaik taraf ini dijangka diluluskan pada sidang Dewan Rakyat pada bulan depan,” katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 20
RUANGAN : ISU

Waspada gelombang haba di 10 lokasi

• Kawasan alami suhu hingga 37 Celcius, orang ramai diminta elak strok haba

Oleh Irwan Shafrizan Ismail dan Noor Atiqah Sulaiman
 bhnews@bh.com.my

F Putrajaya

Suhu maksimum harian di antara 35 hingga 37 Celcius akan dialami 10 kawasan di Semenanjung selama tiga hari berturut-turut bermula semalam yang dikategorikan pada Tahap Satu, iaitu dalam fasa berjaga-jaga.

Kemas kini status gelombang haba yang dimuat naik di laman web

rasmi Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) pada jam 11 pagi semalam menyatakan antara kawasan yang disenarai adalah di Chuping (Perlis), Kubang Pasu, Kota Setar, Sik (Kedah), Hulu Perak, Kuala Kangsar dan Kinta (Perak).

Kawasan lain yang turut disenarai ialah di Maran (Pahang), Kepong (Kuala Lumpur) dan Muar (Johor).

Bagi kawasan yang tidak berada pada Tahap Satu, suhu harian maksimum bagi kawasan berkenaan di bawah 35 Celcius.


Tanda strok haba

Dalam pada itu, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, meminta rakyat berwaspada terhadap tanda awal strok haba berikutnya cuaca panas dan kering ketika ini.

Beliau berkata, strok haba berlaku apabila paras suhu badan meningkat melebihi 40.5 Celcius, berbanding suhu normal badan ma-



Dr Noor Hisham Abdullah



» **10 kawasan berjaga-jaga**
 Chuping (Perlis), Kubang Pasu, Kota Setar, Sik (Kedah), Hulu Perak, Kuala Kangsar dan Kinta (Perak).

» **Kawasan lain adalah Maran (Pahang), Kepong (Kuala Lumpur) dan Muar (Johor).**

nusia kira-kira 37 Celcius.

"Antara tanda awal terkena strok haba ialah sakit kepala berdenyut, mual, kurang berpeluh walaupun dalam suhu panas dan denyutan nadi yang pantas.

"Tanda lain ialah otot lemah dan kejang, muntah, kulit kering dan kemerahan, sawan serta pitam.

Undang komplikasi

"Suhu tinggi juga mengundang komplikasi kepada sistem saraf otak yang boleh menyebabkan seorang itu sawan, koma dan boleh membawa kematian," katanya.

Sementara itu dalam satu kenyataan berasingan, MetMalaysia memaklumkan sepanjang Februari hingga Mac, kebanyakan tempat di Semenanjung dijangka menerima cuaca yang agak kering dengan jumlah taburan hujan yang kurang daripada 150 milimeter (mm).

Bagi Perlis, selatan Terengganu, Pahang, Selangor, Kuala Lumpur,

Putrajaya, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor dijangka menerima jumlah hujan bulanan yang berkurangan sedikit, berbanding purata hujan jangka panjang.

"Di Sarawak iaitu di Kuching dan Samarahan dijangka menerima hujan sedikit melebihi purata purata di antara 600 hingga 700mm.

"Bahagian lain di Sarawak dijangka menerima curahan hujan pada purata purata antara 200 hingga 350mm kecuali di Miri iaitu menerima hujan kurang daripada 200mm."

"Bagi Sabah, kebanyakannya dijangka menerima hujan kurang sedikit, berbanding purata purata. Bahagian Kudat dianggarkan menerima jumlah sekitar 100 hingga 150mm," katanya.

Sandakan Sandakan pula dijangka menerima hujan antara 150 hingga 200mm; Tawau, Pedalaman, Pantai Barat, serta Labuan pula dianggarkan menerima hujan kurang daripada 100mm.

AKHBAR : HARIAN METEO**MUKA SURAT : 9****RUANGAN : SETEMPAT**

Lima kanak-kanak kini stabil

Johor Bahru: Lima kanak-kanak yang disahkan positif jangkitan kuman difteria yang dikuarantin di Wad Pediatrik Hospital Sultanah Aminah (HSA) di sini, dalam keadaan stabil.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian negeri, Dr Sahrudin Jamal berkata, sehingga jam 12 tengah hari semalam, semua kanak-kanak itu masih dirawat di wad berkenaan.

"Semua kanak-kanak yang dirawat di Wad Pediatrik HSA, masih berada di wad dan mereka dalam keadaan stabil," katanya

ketika dihubungi Harian Metro, semalam.

Beliau berkata, setakat ini juga, tiada lagi mana-mana individu yang dipercayai berhubung secara aktif dengan kanak-kanak lelaki yang meninggal dunia akibat difteria, dipeliksa.

"Setakat ni, tiada lagi berhubung secara aktif dengan mangsa," katanya.

Semalam, Harian Metro melaporkan lima kanak-kanak termasuk kakak kepada kanak-kanak lelaki berusia dua tahun satu bulan yang meninggal dunia disyaki akibat dif-

teria pada Khamis lalu turut disahkan positif jangkitan kuman itu.

Lima kanak-kanak yang berusia bawah empat tahun itu antara 52 individu yang pernah berhubungan atau bertemu dengan mangsa hasil saringan dilakukan Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ).

Sehingga kini, ada empat laporan kes difteria termasuk seorang dewasa dengan kematian membabitkan dua kanak-kanak berusia 14 bulan dan dua tahun bermula Oktober tahun lalu hingga 22 Februari lalu.



DR Sahrudin (kiri) dan Pengarah Kesihatan Negeri Johor Dr Selahuddeen Abd Aziz melawat kanak-kanak yang dikuarantin di HSA.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : SETEMPAT

Wajib ambil suntikan

■ KKM tekad perkasa polisi vaksin secara mandatori

Kuala Lumpur

Kementerian Kesihatan (KKM) tidak akan berputus asa dalam usaha untuk mewajibkan suntikan vaksin imunisasi walaupun mengakui sukar untuk melaksanakan sesuatu program secara mandatori.

Menteri berkenaan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata kementerian mempunyai tanggungjawab menyeluruh dalam memastikan golongan sasar dalam program itu mendapat pencerahan lanjut mengenai kepentingan vaksin.

"Apapun kami akan mulakannya (dasar mewajibkan suntikan vaksin), tapi yang paling penting ialah keinsafan dan kesedaran ibu bapa bahawa keselamatan dan kesihatan anak mereka penting dan tahu risiko sekiranya tidak divaksin.

"Golongan anti vaksin ha-

nya diberi pendedahan dari sudut negatif dan tidak berdasarkan bukti kesihatan, oleh itu semua pihak bukan sahaja di kementerian, malah JAKIM dan ramai mufti memberi penjelasan positif mengenai vaksin," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Mesyuarat Jawatankuasa Codex Berkaitan Lemak dan Minyak (CCFO) ke-26 di sini, semalam.

Kelmanin, Dr Dzulkefly dilaporkan berkata cadangan dan dasar supaya suntikan vaksin imunisasi diwajibkan akan dibincang pada mesyuarat pasca kabinet Kementerian Kesihatan.

Sementara itu, CCFO yang diadakan selama lima hari bermula hari ini mengumpulkan lebih 100 delegasi yang akan membincangkan pelbagai standard antarabangsa berkaitan lemak dan minyak makan daripada sumber haiwan serta sayur-sayuran.

Dr Dzulkefly berkata Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan di bawah KKM akan dinaik taraf menjadi Pihak Berkuasa Keselamatan Makanan (FSA) setelah rang undang-undang berkaitan dibentangkan di Parlimen, Mac ini.

"FSA memperkuuh kawalan keselamatan makanan negara supaya lebih mantap dalam melindungi kesihatan rakyat.

"Ia dapat meningkatkan ekonomi nega-

ra dengan memudahkan perdagangan makanan melalui penjenamaan global produk makanan keluaran negara yang selamat dan berkualiti," katanya. - BER-NAMA



“Apapun kami akan mulakannya (dasar mewajibkan suntikan vaksin)

Dr Dzulkefly

AKHBAR : KOSMO**MUKA SURAT : 4****RUANGAN : NEGARA**

KKM komited wajibkan suntikan vaksin

KUALA LUMPUR - Kementerian Kesihatan (KKM) tidak akan berputus asa dalam usaha untuk mewajibkan suntikan vaksin imunisasi walaupun mengakui sukar untuk melaksanakan sesuatu program secara mandatori.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, kementerian mempunyai tanggungjawab menyeluruh dalam memastikan golongan sasar dalam program itu mendapat pencerahan lanjut mengenai kepentingan vaksin.

"Apapun, kami akan mulakannya (dasar mewajibkan suntikan vaksin), tapi paling penting ialah keinsafan dan

kesedaran ibu bapa bahawa keselamatan dan kesihatan anak mereka penting dan tahu risiko sekiranya tidak divaksin.

"Golongan antivaksin hanya diberi pendedahan dari sudut negatif dan tidak berdasarkan bukti kesihatan. Oleh itu semua pihak bukan sahaja di kementerian malah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan ramai mufti telah memberi penjelasan positif mengenai vaksin," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Mesyuarat Jawatankuasa Codex Berkaitan Lemak dan Minyak (CCFO) ke-26 di sini semalam.

Semalam, Dzulkefly

berkata, cadangan dan dasar supaya suntikan vaksin imunisasi diwajibkan akan dibincang pada mesyuarat pasca-Kabinet Kementerian Kesihatan. Dalam perkembangan lain, Dzulkefly berkata, Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan di bawah KKM akan dinaik taraf menjadi Pihak Berkuasa Keselamatan Makanan (FSA) setelah rang undang-undang berkaitan dibentangkan di Parlimen, Mac ini.

FSA adalah untuk memperkuuh kawalan keselamatan makanan negara supaya lebih mantap dalam melindungi kesihatan rakyat," jelasnya. - Bernama

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NATION

Ministry calls on WHO to look into drug pricing

By LOH FOON FONG
 Foonfong@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: Amidst pressure against Malaysia for using compulsory licensing (CL) to gain access to generic versions of a Hepatitis C drug, the Health Ministry has urged the World Health Organisation (WHO) to look into the pricing system of medicine by big pharmaceutical companies.

Deputy Health Minister Dr Lee Boon Chye said while Malaysia could exercise the rights provided for under the World Trade Organisation's agreement on Trade-Related Aspects of Intellectual Property Rights (TRIPS), the scope is limited to government use only.

"Even though we have a strong ground to exercise the right, the Health Ministry, the Health Minister, myself, (Pharmaceutical Service Programme senior director) Dr Ramli Zainal, the Prime Minister, Economic Affairs Minister get frequent calls from pharmaceutical companies, the United States' ambassador and the US Trade Representative.



"You can see the pressure mounting on us. I hope the international community could look at how pharmaceutical companies price their medicine," he said at the forum on Improving Access to Affordable Cancer

Treatments in Malaysia yesterday.

Dr Lee, who was one of the panellists, said many cancer drugs had been developed in recent decades but capitalism also had its ugly side where drugs were priced based on the amount consumers could bear rather than on investments put in, as done in the past.

"We may think rich countries subsidise lower income countries but some drug prices in the private sector are comparable or higher than those in advanced countries. There is an anomaly in terms of pricing," he said.

Dr Lee said he was not a socialist and recognised that capitalism drove innovation but the "profit and loss" balance sheet system of rewarding innovators should be reviewed, especially for the medical fraternity.

He said in the past, there had been plenty of advances in medicine because the medical fraternity shared information without reward.

"This part of it is philosophical. I put it to WHO to look into how the system works. We need a more sustainable pricing system from the international pharmaceutical compa-

nies," he said.

During the forum, Pharmaceutical Association of Malaysia (PhAMA) vice-president Allen Patina said countries should come up with a single-payer system as pharmaceutical companies would be more willing to offer lower prices to single players.

According to Statnews Feb 14 report, Italy proposed to WHO to set international standards for drug-pricing transparency.

The Italian government was asking the World Health Assembly to adopt a resolution that would require drug makers to disclose their R&D and production costs, as well as prices charged for medicines and vaccines.

Meanwhile, head of Mission and WHO Representative to Malaysia, Brunei and Singapore Dr Lo Ying-Ru Jacqueline said that the WHO had been working on price transparency issues.

"The WHO has prepared a technical report which will be presented to member states to consider at the World Health Assembly in May," she said.